

tempat dalam sekolah-sekolah bahkan tulisan Melayu dan bahasa Melayu mulai diketepikan setapak demi setapak! Malangnya kebanyakan ibu bapa yang menyerahkan anak-anaknya di situ masih membisu dan tidak mahu tahu apa yang sudah berlaku!

\*

### Melanggar hukum tajwid

A. Zayn al-'Abidin B. Ahmad, Kampung Ladang Gemas, bertanya: Apakah hukumnya seseorang membaca Quran dengan cepat sehingga kerana cepatnya itu tidak betul hukum-hukum tajwidnya dan apa hukumnya pula kalau ia faham akan ayat-ayat Quran yang dibacanya atau tidak faham?

Jawab: Membaca Quran itu adalah suatu ibadah yang digalakkan oleh Islam. Tetapi adab membaca Quran wajib dipelihara kerana menghormati perintah Tuhan yang menyuruh membaca Quran dengan "tartil" yakni menurut hukum tajwid serta hendaklah difikirkan dah faham dengan sebenar-benarnya kalau! Ya mengerti apa yang dibacanya itu. Kalau tidak, memadai membaca dengan betul, jangan terburu-buru. Sekurang-kurangnya untuk menjaga diri daripada amaran Rasulullah (SAW) yang bersabda, maksudnya: "berapa banyak orang membaca Quran, padahal Quran itu mengutuknya."

Sayogiyalah difaham perkara ini supaya bacaannya itu menjadi suatu ibadah yang memberi panduan dan mendatangkan pahala.

\*

### Mandi Tian

A.W.Sulaiman, Sungai Tawar Kedah bertanya: Adakah perkara "mandi tian" kepada perempuan yang mengandung itu tertentu pengkerasnya, seperti cermin, sikat celak, bedak, kelapa, kain putih panjang lima, jarum, kain seorang setengah taubat (yang sudah dipakai perempuan) dan macam-macam lagi. Kalau tak dibuat apa pula hukumnya.

Jawab: Hukumnya pada syarak atau pada adat? Syarak tidak menyuruh yang demikian. Bahkan dipandang suatu perbuatan yang mubzar.

Pada adat pula kalau tidak dibuat sudah tentu dipandang salah sekurang-kurangnya oleh bidan yang mengadakan adat tersebut dalam perkara ini adat sesebuah negeri di Tanah Melayu berlainan dengan negeri yang lain.

Kalau perkara yang ditanyakan oleh tuan penyoal sedang berlaku di Kedah maka di Singapura adalah berlainan pula caranya.

Di Singapura pada sesetengah tempat. Ketika hendak memulangkan nasi bidan (setelah tujuh hari perempuan bersalin), Maka setengah bendayang tersebut adalah disediakan dan diambil oleh bidan dikecualikan cermin dan sikat.

\*

### Tidak boleh kahwin selama-lamanya

A. A. M Salim, lorong Marican Singapura, bertanya baru-baru ini saya terbaca di dalam akhbar bahawa seseorang perempuan Serani bernama Miss Bee Paris, telah memeluk agama Islam di Johor, lalu dinamakan Jamilah Binti Abdullah tidakkah harus kita bersyukur? Tetapi alangkah sedihnya Cik Jamilah telah diberitahu oleh Jabatan Agama Johor bahawa dia tidak boleh kahwin selama-lamanya.

Apa benarkah demikian aturan dan hukum agama Islam?

Jawab: Janganlah Tuan bersedih hati kerana inilah yang dikatakan hukum berkait dalam sebuah negeri yang mempunyai undang-undang berkait.

Golongan yang menjadikan Cik Jamilah tidak boleh kahwin selama-lamanya sebagaimana yang diterangkan oleh Jabatan Agama Johor, ialah kerana ia masih terikat dengan suaminya yang masih beragama Kristian, kerana perkahwinan, keduanya dahulu menurut pendaftaran nikah kahwin. Agama Kristian yang dikuat kuasakan oleh undang-undang negeri.

Kesimpulannya cik Jamilah boleh bersuami lain. Menurut hukum Islam, apabila kedua pihak (dia dan suami Kristian dahulu) bersetuju merombak perkahwinan keduanya yang masih terikat menurut agama kristian dan undang-undang negeri.